

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI
JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]

TARIKH : 13 MAC 2019
MENJAWAB

SOALAN : 64

YB TUAN William Leong Jee Keen [Selayang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada perkara 153 Perlembagaan Persekutuan harus dipinda agar Orang Asli di Semenanjung Malaysia menikmati hak keistimewaan bersama dengan kaum Melayu dan Bumiputera di Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di- Pertua,

1. Walaupun berdasarkan Fasal (2) Perkara 160, Fasal (6) dan (7) Perkara 161A Perlembagaan Persekutuan, orang asli tidak termasuk di bawah tafsiran “orang Melayu” dan takrifan “anak negeri”, Kerajaan masih lagi bertanggungjawab untuk melindungi kepentingan yang sah kaum-kaum lain termasuklah orang asli di bawah Fasal (1) Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan.

2. Selain Fasal (1) Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan, perenggan (c) Fasal (5) Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan juga memperuntukkan perlindungan kepada orang asli seperti yang berikut:

“Kesamarataan

8. (5) *Perkara ini tidak menidaksahkan atau melarang—*

(c) apa-apa peruntukan bagi perlindungan, kesentosaan atau pemajuan orang asli Semenanjung Tanah Melayu (termasuk perizaban tanah) atau perizaban bagi orang asli suatu perkadaran yang munasabah daripada jawatan-jawatan yang sesuai dalam perkhidmatan awam;”.

3. Apa-apa cadangan pindaan yang menyentuh hak dan keistimewaan yang diperuntukkan di bawah Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan adalah tertakluk kepada Perkara 159 Perlembagaan Persekutuan.

4. Fasal (3) Perkara 159 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa sesuatu Rang Undang-Undang bagi membuat apa-apa pindaan kepada Perlembagaan (selain pindaan yang dikecualikan daripada peruntukan Fasal ini) dan sesuatu Rang Undang-Undang bagi membuat apa-apa pindaan kepada sesuatu undang-undang yang diluluskan di bawah Fasal (4) Perkara 10 tidaklah boleh diluluskan di dalam mana-mana satu Majlis Parlimen melainkan jika Rang Undang-Undang itu telah disokong pada Bacaan Kali Kedua dan Kali Ketiga dengan undi sebanyak tidak kurang daripada dua pertiga daripada jumlah bilangan ahli Majlis Parlimen.

5. Prof. Emeritus Datuk Dr. Shad Saleem Faruqi dalam buku beliau bertajuk *Document of Destiny* —

(a) di muka surat 697 menghuraikan seperti yang berikut:

“The orang asli are not within the definition of a Malay unless they satisfy all four requirements of Article 160(2). Nor are they ‘natives’ as that term is confined to the indigenous races of Sabah and Sarawak. Article 153 is not applicable to the orang asli. However under Article 8(5)(c) the Constitution permits measures for the protection, well-being or advancement of the aboriginal peoples of the Malay Peninsula. An example of such law is the Aboriginal Peoples

Act 1954 that establishes orang asli areas and orang asli reserves.”.

- (b) di muka surat 267 menghuraikan mengenai pengecualian yang diberikan di bawah Fasal (5) Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan seperti yang berikut:

“No legal rule can be absolute and unbending. In a living system many departures have to be permitted to cater to the exigencies of a complex social and political life. ...

Protective discrimination can be resorted to in favour of the aborigines of the Malay Peninsula.”.

6. Perlindungan kepada orang asli seperti yang diperuntukkan di bawah perenggan (c) Fasal (5) Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan telahpun dilaksanakan melalui Akta Orang Asli 1954 [Akta 134] bagi mewujudkan kawasan orang asli (*“aboriginal area”*) dan rizab orang asli (*“aboriginal reserve”*).

7. Hak kepada tanah yang berpihak kepada orang asli juga telah diputuskan dalam beberapa kes mahkamah sebagai contoh dalam kes ***Sagong Tasi & Ors. v. Kerajaan Negeri Selangor & Ors. [2002] 2 CLJ 543*** yang menyatakan bahawa *“it is manifestly clear that under art. 8(5)(c) of the Constitution and the Act the plaintiffs have the right to be protected and the right to well-being and advancement, in particular to land use.”*

8. Oleh yang demikian adalah jelas kedudukan orang asli dijamin di bawah undang-undang.

Sekian, terima kasih.